

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 23 OKTOBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 58

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1523-L21657

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini suntikan HPV bagi remaja perempuan berusia 13 untuk kohort 2020, 2021, 2022 dan 2023 serta perolehan vaksin HPV yang telah diperuntukkan RM120 juta untuk tahun 2023.

2. PR-1523-L21703

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan khususnya berhubung isu agama, bangsa dan institusi diraja (3R) serta apakah asas perundangan yang diguna pakai untuk melarang rakyat Malaysia daripada menyentuh perkara 3R tersebut.

3. PR-1523-L21885

Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam mengetengahkan literasi politik dan kenegaraan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah memandangkan mereka akan layak untuk mengundi pada umur 18 tahun sebaik sahaja meninggalkan alam persekolahan.

4. PR-1523-L21887

Tuan Kalam bin Salan [Sabak Bernam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan pelaburan tempatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada 70% berbanding 64% pada tahun 2022 yang disyorkan oleh Perdana Menteri pada bulan Mei lalu. Jika ya, bagaimanakah ia dapat dilaksanakan.

5. PR-1523-L21154

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) usaha untuk memperbaiki prosedur mendapatkan taraf kewarganegaraan di Tawau dan Sabah melalui seksyen 15A; dan
- (b) usaha penyelesaian isu penduduk *undocumented* atau penduduk yang tidak mempunyai dokumen disebabkan oleh pendaftaran lewat, kematian bapa dan ibu warganegara, kehilangan sijil nikah dan perkara-perkara lain.

6. PR-1523-L22118

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :

- (a) asas kriteria dalam memilih seorang Pengerusi Lembaga Pelabuhan dan sejauh manakah peranan mereka dalam membentras kegiatan ekonomi gelap seperti penyeludupan di pelabuhan; dan
- (b) berapa bilangan operasi kegiatan membentras ekonomi gelap yang berjaya dijalankan sepanjang tahun 2019 sehingga 2023.

7. PR-1523-L22501

Datuk Matbali bin Musah [Sipitang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan untuk menaik taraf klinik kesihatan luar bandar Padas Damit, Beaufort kerana ianya padat dengan penduduk di sekitar kawasan/kampung berhampiran.

8. PR-1523-L21918

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin KHIRUDIN [Jerantut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah syarat yang perlu dipenuhi sekiranya pemasangan Mesin Pengeluaran Wang Automatik (ATM) hendak dilakukan di Batu Balai, FELDA Lepar, Kampung Mat Daling, Kuala Tahan yang terletak jauh dari Bandar Jerantut dan mempunyai penduduk yang padat.

9. PR-1523-L21119

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan komitmen terhadap penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan bagi meningkatkan jumlah perjawatan serta elauan pekerja tanpa perlu melalui proses penyelarasan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

10. PR-1523-L21708

Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah yang perlu diambil bagi membantu meningkatkan kualiti hidup warga emas dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menambah baik kriteria pemberian bantuan warga emas agar dapat dinikmati golongan sasar.

11. PR-1523-L22400

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan proses aduan semasa untuk memaklumkan kenaikan harga makanan oleh pengusaha kantin sekolah awam.

12. PR-1523-L22406

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa Malaysia Airlines menamatkan perkhidmatan *inflight catering* Brahim's Food Services Sdn. Bhd sebelum melantik katerer yang baru sebagai pengganti. Akibat daripada kecuaian pihak pengurusan Malaysia Airlines, nama baik MAS tercemar sehingga ke peringkat antarabangsa apabila penumpang kelas ekonomi dan perniagaan hanya diberikan buah, kek dan minuman kotak. Malahan penumpang juga dinasihatkan membawa makanan sendiri yang dibeli dari luar. Bagaimana jika makanan yang mereka bawa adalah makanan *non halal*.

13. PR-1523-L21140

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan komitmen terkini pihak Kerajaan untuk mengawal kadar pertukaran wang asing yang memberi kesan kepada barang import.

14. PR-1523-L22327

Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik pencerobohan terkini bot nelayan asing yang menceroboh ke dalam perairan Malaysia seterusnya mengaut sumber hasil perikanan negara secara haram.

15. PR-1523-L21200

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk meneruskan cadangan pembinaan SMK Marak Parak yang telah diumumkan pada Januari 2018 oleh Perdana Menteri pada ketika itu. Pembinaan SMK Marak Parak ini dapat memberi kemudahan kepada pelajar-pelajar yang tinggal jauh dari pekan Kota Marudu khususnya di kawasan sekitar Marak Parak, Malangkap Tagibang dan Sungoi.

16. PR-1523-L22062

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana usaha Kerajaan di dalam menjadikan Tok Bali sebagai sebuah pelabuhan dan pengkalan persisir dalam sektor minyak dan gas terutamanya untuk wilayah timur Semenanjung.

17. PR-1523-L21160

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah untuk memastikan prosedur estetik perubatan dijalankan di klinik-klinik yang berlesen dan disahkan sahaja memandangkan masih wujud klinik kecantikan yang menjalankan prosedur invasif dan juga mengendalikan rawatan ubat bius.

18. PR-1523-L21723

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan inisiatif yang diambil oleh Kementerian untuk memperkasakan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Iban di peringkat rendah, menengah dan tinggi. Berapa ramaikah guru pelatih Bahasa Iban yang sedang mengambil kursus di maktab perguruan pada masa ini. Adakah pengambilan guru pelatih Bahasa Iban di lakukan pada setiap pengambilan baharu.

19. PR-1523-L21512

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dari 20% hingga ke sasaran 40% memandangkan masih terdapat isu kekerapan waktu tren yang rendah di waktu puncak serta kekurangan jumlah tren dan bas untuk menampung pengguna yang tinggi.

20. PR-1523-L22010

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membuka jawatan tetap warden daripada bukan guru supaya bebanan guru boleh dikurangkan.

21. PR-1523-L21600

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan meminda Akta DBP bagi memberi kuasa penguatkuasaan kepada DBP bagi kesalahan Bahasa Melayu dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengantarabangsakan Bahasa Melayu.

22. PR-1523-L22242

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan dan pendakwaan bagi kesalahan berkaitan dengan 3R iaitu :

- (a) ucapan YB Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Bagan, yang mendakwa gelombang hijau bakal memusnahkan tokong dan menafikan hak agama di Pulau Pinang di dalam satu program di Pulau Pinang; dan
- (b) ucapan Tan Sri Lim Kit Siang, pemimpin veteran DAP yang menyatakan negara semakin hampir-hampir ke arah tepian sebuah lagi rusuhan 13 Mei 1969.

23. PR-1523-L22137

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status tahanan SOSMA yang dijanjikan sebelum ini seperti kebenaran ikat jamin dan adakah sebarang cadangan untuk pindaan perundangan yang sedia ada agar tahanan tanpa bicara dibatalkan.

24. PR-1523-L21999

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha Kementerian untuk mengesan lebih 1.2 juta warga China yang dilaporkan tidak keluar dari Malaysia selepas tiba ke negara ini dalam tempoh di antara 2018 hingga 2021.

25. PR-1523-L21115

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan dan kelulusan pekerja asing oleh majikan sejak pelaksanaan Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing pada awal tahun 2023.

26. PR-1523-L22599

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada terdapat sebarang rancangan naik taraf kemudahan, peralatan, perisian dan perkara-perkara berkaitan operasi di jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia di daerah Machang memandangkan kebanyakan perkara-perkara tersebut telah usang dan lapuk, perlu diganti. Sebagai contoh di Klinik Kesihatan Temangan.

27. PR-1523-L21466

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) jumlah permohonan tanpa kewarganegaraan Pra-kemerdekaan yang tidak memiliki sijil kelahiran yang kini sedang diproses di bawah Perkara 19 (Kewarganegaraan melalui penaturalisasi); dan
- (b) individu tanpa kewarganegaraan yang telah diberikan kad Penduduk Tetap di Malaysia.

28. PR-1523-L22050

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah dan perancangan Kerajaan dalam menangani isu kesesakan banduan di penjara di seluruh negara.

29. PR-1523-L21559

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam mengatasi masalah kekurangan pegawai perubatan wanita bagi Sakit Puan yang mencukupi bagi melayani pesakit wanita untuk keselesaan dan keperluan mereka.

30. PR-1523-L22088

Tuan Roslan bin Hashim [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan yang diambil oleh Kementerian Kewangan Malaysia dalam mengatasi isu kejatuhan harga Ringgit jangka pendek dan panjang.

31. PR-1523-L21395

Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan bagi mengatasi kebanjiran pekerja asing di kawasan-kawasan perumahan awam. Nyatakan sebarang polisi penambahbaikan dalam tempoh jangka masa panjang termasuk terhadap majikan. Perincikan juga jumlah pekerja warga asing mengikut pecahan negeri serta penempatan mereka sejak tahun 2018 sehingga kini.

32. PR-1523-L22114

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) kriteria yang diperlukan oleh KDN untuk meluluskan kewarganegaraan daripada warga asing; dan

- (b) berapa jumlah warga asing yang mendapat visa pelancong dan visa pekerja tetapi tidak keluar daripada negara ini selepas tamat tempoh dan apakah usaha Kerajaan mengatasi permasalahan ini.
33. PR-1523-L21245
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang pelan Kementerian untuk meningkatkan kapasiti pendigitalan di setiap premis kesihatan seluruh negara.
34. PR-1523-L21929
Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan terhadap NGO atau pertubuhan yang menggunakan uniform menyerupai anggota tentera, polis atau bomba dan siapakah yang mengawal selia protokol pemakaian uniform tersebut.
35. PR-1523-L21334
Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjung Manis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa banyak mesin hemodialisis yang telah diluluskan untuk Hospital Sarikei.
36. PR-1523-L22479
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah memulihkan penguasaan Jawi di peringkat menengah atas di sekolah-sekolah harian.
37. PR-1523-L21656
Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan merancang untuk memberi pengecualian cukai kepada individu atau syarikat yang membuat dermaan kepada sekolah-sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi dan hospital-hospital yang milik Kerajaan ataupun *not-for-profit* yang diluluskan oleh Kerajaan.
38. PR-1523-L21168
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan permohonan MyKid dari Januari 2022 masih berstatus dalam proses sehingga hari ini. Apakah masalah yang sedang dihadapi oleh pihak JPN termasuk cara untuk mengatasinya.

39. PR-1523-L21359

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Kerajaan tidak membenarkan seorang ibu (warga asing) yang mempunyai anak di Malaysia status bermastautin tetap apabila beliau diceraikan oleh suami (warga Malaysia) atau jika suaminya meninggal dunia.

40. PR-1523-L21944

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah impak penjenamaan semula istilah Kolej Tingkatan Enam kepada Kolej Pra Universiti KPM ini terhadap peningkatan kemasukan pelajar ke peringkat lebih tinggi dan apakah justifikasi Kementerian tidak mempertimbangkan perubahan gred perjawatan susulan penjenamaan semula ini.

41. PR-1523-L21209

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini bagi cadangan pindaan terhadap undang-undang SOSMA dan apakah usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk meredakan kegusaran serta kekhawatiran ahli keluarga tahanan khususnya membabitkan dakwaan kekerasan dalam tahanan serta proses ikat jamin.

42. PR-1523-L21377

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini pelaksanaan Cukai Barang Mewah yang diumumkan melalui Belanjawan 2023 sebelum ini dan berapa peratusan jumlah cukai yang dikenakan dalam pelaksanaan cukai ini. Apakah definisi barang mewah yang akan dikenakan cukai, adakah ianya berdasarkan nilai barang atau jenis barang.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 31/2023) Rang Undang-undang Perbekalan 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (19 Oktober 2023)**

DAN

Usul dibuat oleh YAB Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari sembilan puluh dua bilion ringgit (RM92,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2024, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 34 Tahun 2023, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

Menyambung semula perbahasan atas masalah (19 Oktober 2023)

2. (D.R. 33/2023) Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (12 Oktober 2023)**

[Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]

3. (D.R. 25/2023) Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 – **Bacaan Kali Yang Kedua**

Dan;

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Ahli Parlimen Kuala Selangor akan mencadangkan :

“BAHAWA Penyata yang disiapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan untuk mengkaji Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023, yang dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas DR. 8 Tahun 2023 diperkenankan mengikut Peraturan Mesyuarat 60”.

4. (D.R. 26/2023) Rang Undang-Undang Makanan (Pindaan) 2023. **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Kesihatan]

5. PR-1523-U(27)278
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menangani isu gangguan bekalan beras putih tempatan (BPT) di pasaran yang kian meruncing susulan tindakan India menghentikan eksport beras putihnya ke pasaran.

Langkah penetapan had pembelian maksimum 100kg BPT untuk setiap individu dan syarikat bermula 7 September 2023 hanyalah penyelesaian yang bersifat sementara dan Kerajaan seharusnya mula merangka satu pelan yang lebih tuntas dalam usaha menjamin keterjaminan bekalan beras di Malaysia bagi jangka masa yang panjang.

Kerajaan perlu segera mewujudkan rangka tindakan yang lebih komprehensif bagi mengurangkan impak inflasi makanan global dari terus menghimpit rakyat negara ini khususnya berkaitan beras yang menjadi makanan ruji kita semua."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

6. PR-1523-U(27)279
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja asing yang kian melambung tinggi. Kebergantungan majikan tempatan terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan di negara ini bukanlah perkara asing terutama dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Maka, adalah penting untuk mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing agar pekerja tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu dengan reformasi terhadap ekosistem sektor 3D meliputi kadar gaji, faedah dan sebagainya yang berpadanan dengan risiko pekerjaan perlu diimplementasikan secara berseiringan."

[Menteri Dalam Negeri]

7. PR-1523-U(27)280
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :
- "Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mewujudkan satu dasar mengutamakan sajian menu buah-buahan tempatan di semua majlis rasmi Kerajaan sebagai galakan dan sokongan kepada pemain industri buah-buahan tempatan serta ke arah membudayakan amalan pemakanan sihat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian bagi membantu pengusaha buah-buahan tempatan untuk memasar serta mempromosi hasil ladang mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan. Maka melalui sajian menu buah-buahan di kesemua majlis rasmi Kerajaan perlu dibudayakan sepenuhnya sebagai sokongan terhadap industri buah-buahan tempatan.

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

8. PR-1523-U(27)281
Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :
- "Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan Jumlah Kadar Kesuburan (Total Fertility Rate) bagi rakyat Malaysia terus meningkat.

Negara kita telah beralih ke status negara menua pada tahun 2021. Hal Ini kerana peratusan penduduk berusia 65 tahun dan ke atas telah mencapai 7% daripada jumlah populasi. Trend ini menunjukkan peningkatan dalam dua tahun lalu pada kadar 0.2 peratus setahun di mana pada tahun 2022 sebanyak 7.2% dan dijangka pada tahun 2023 mencapai 7.4%.

Dalam tempoh dua dekad lagi, negara dijangka beralih kepada negara tua apabila kohort umur yang sama mencapai 14% daripada jumlah populasi. Peralihan ini tentunya memberikan kesan yang paling ketara iaitu kepada penurunan trend populasi pekerja dan produktiviti. Bagi menghadapi cabaran dan dampak negara menua, kita perlu mencari jalan memperlahangkan proses penuaan ini. Proses penuaan ini tidak boleh dihalang atau diberhentikan tetapi kita perlu mempunyai pelan persediaan bagi menghadapi situasi tersebut.

Jika kita teliti jumlah peratusan struktur umur penduduk yang berumur 0-14 tahun berlaku penurunan pada kadar 0.4% bagi 3 tahun iaitu ; tahun 2020 sebanyak 24%, 2021 sebanyak 23.6%, 2022 sebanyak 23.2%, dan 2023 sebanyak 22.6%.

Umum mengetahui negara-negara jiran dan serantau juga menghadapi perkara penurunan bagi jumlah kadar kesuburan, tetapi kadar tersebut agak perlahan penurunannya. Sehubungan itu, objektif kita agar dapat melandaikan graf penurunan ini bagi negara kita.

Persoalan saya, apakah kemampuan hospital Kerajaan dalam meningkatkan kemampuan kesihatan reproduktif. Berapa jumlah Hospital yang menyediakan perkhidmatan IUI dan IVF. Berapa ramai doktor pakar reproduktif masih berkhidmat di hospital Kerajaan. Adakah harga perkhidmatan yang dikenakan mampu diakses oleh rakyat. Berapa jumlah makmal reproduktif.

Dewan Rakyat juga perlu mencadangkan agar Kerajaan menetapkan polisi yang mampan seperti fleksibel waktu bekerja, yuran pusat penjagaan kanak yang mampu bayar, perbanyakkan pusat asuhan ditempat kerja, dan *paternity leave* kepada ibu bapa yang bekerja untuk meringankan bebanan mereka dalam meningkatkan kadar reproduktif rakyat Malaysia. *Population Complexity* ini yang harus kita uruskan dengan penuh keberanian dan semua pihak kena bersama-sama."

[Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat]

9. PR-1523-U(27)283

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan sebuah Kertas Putih Imigresen yang membincangkan tentang kadar atau jumlah sebenar kemasukan pelawat asing ke negara Malaysia.

Perkara ini bertujuan untuk mengetahui pergerakan pelawat asing berkenaan sama ada mereka terus tinggal di Malaysia atau dalam satu tempoh tertentu. Menerusi ini kita akan mengetahui jumlah sebenar populasi rakyat di negara ini melalui pengenalpastian perbezaan antara jumlah Warganegara Malaysia, Jumlah Pelawat Asing yang masuk ke negara kita sebagai pekerja ataupun dengan tujuan melancong.

Hal ini, akan memudahkan Kerajaan untuk merangka dan melaksanakan pelbagai pelan inisiatif mahupun bantuan seperti subsidi bersasar dan lain-lain agar setiap pelaksanaan tersebut dinikmati oleh rakyat di negara kita."

[Menteri Dalam Negeri]

10. PR-1523-U(27)286

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menerima hakikat bahawa lebih 100,000 calon peperiksaan SPM pada tahun 2022 telah gagal dalam mata pelajaran dan sekaligus gagal mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menerima hakikat juga bahawa kegagalan dalam peperiksaan SPM ini mengakibatkan masa depan yang gelap kepada calon pada purata 70 ribu hingga 100 ribu setahun.

Menerima hakikat bahawa pelajar tercicir ini tidak ada lagi ruang untuk melanjutkan pelajaran maka segolongan pelajar tercicir ini akan menjadi kerugian dalam sumber tenaga kerja negara.

Dan menerima hakikat bahawa matlamat mendidik sebuah generasi pelajar untuk membina dan membangun negara kita telah gagal maka Kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang serius terhadap masalah ini.

Maka dengan itu Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar silibus dan buku-buku teks Subjek Sejarah Tingkatan Satu, Dua, Tiga, Empat dan Tingkatan Lima hendaklah dikaji semula dan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen hendaklah ditubuhkan untuk mendapat pandangan daripada setiap lapisan masyarakat daripada seluruh pelusuk negara, dan pada masa yang sama Jemaah Kabinet hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet Kajian Semula Silibus dan Buku Teks Sejarah yang dianggotai oleh Menteri-Menteri yang mewakili Sabah, Sarawak, Persekutuan Tanah Melayu dan parti-parti politik yang menubuhkan Kerajaan Perpaduan."

[Menteri Pendidikan]

11. PR-1523-U(27)287

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini Menerima hakikat bahawa sebuah Suruhanjaya Siasatan DiRaja yang ditubuhkan oleh Kerajaan suatu ketika dahulu telah berjaya membuat siasatan dan seterusnya telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini.

Dan menerima hakikat bahawa setelah sekian lama laporan tersebut telah gagal dilaksanakan dan mengakibatkan ketidakpuasan hati sebahagian besar daripada rakyat Malaysia.

Menerima hakikat juga bahawa rakyat tertanya-tanya apakah yang telah terjadi dengan laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja tersebut.

Dan menerima hakikat bahawa kecelaruan urus tadbir Pendatang Tanpa Izin; Penduduk Asing di Sabah yang mempunyai Kad Pengenalan yang meragukan; Peningkatan Bilangan penduduk di Sabah Tanpa Kewarganegaraan ataupun *stateless children* dan kehadiran orang asing yang memegang dokumen IMM13 yang tidak ada halatuju.

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan bahawa sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk meneliti dan mengkaji semula rekomendasi dan perakuan Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja Mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin untuk merumuskan suatu Road Map penyelesaian tuntas terhadap masalah oleh empat kategori penduduk golongan pendatang asing di Sabah."

[Menteri Dalam Negeri]

12. PR-1523-U(27)290

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi. Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak-pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini. Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 dan M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan. Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

[Menteri Pendidikan]

13. PR-1523-U(27)291
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :
- "Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah pro-aktif dalam menangani serta menghentikan kes jenayah dera kanak-kanak di negara ini. Menteri Dalam Negeri pada 14 Mac 2023 melaporkan bahawa terdapat 220 kes kanak-kanak mati akibat penderaan antara tahun 2018 hingga 2022. Data Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat antara Januari hingga Jun 2022 juga mendedahkan terdapat 1,055 kes penderaan kanak-kanak di negara ini. Kanak-kanak adalah masa depan negara. Lantaran itu, pihak kerajaan wajar menangani lantas menghentikan kitaran dera ini dengan sebuah target 'Dera Sifar' menerusi langkah-langkah pro-aktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala, meneliti semula undang-undang serta garis panduan berkenaan penjagaan kanak-kanak, meningkatkan kesedaran masyarakat, dan lain-lain."

[Menteri Dalam Negeri]

14. PR-1523-U(27)292
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :
- "Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang lebih pro-aktif dan efisyen bagi meningkatkan kesedaran, tindak balas, dan kerjasama masyarakat dalam menghadapi bencana alam. Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Pusat Bencana Geologi Negara pada akhir tahun ini serta pembangunan Sistem Amaran Awal Tanah Runtuh (SAATR). Inisiatif ini akan dapat meningkatkan kecekapan tindak balas bencana agensi-agensi berkaitan. Bagaimana pula dengan tindak balas masyarakat.

Apa yang telah dan sedang Kerajaan usahakan bagi memastikan rakyat bukan sahaja peka tetapi takut dan patuh kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Kerajaan perlu menguatkuasakan Akta Pertahanan Awam 1951, Akta 221 bawah seksyen 4 (C) di mana tindakan boleh diambil ke atas mereka yang tidak patuh kepada arahan pihak berkuasa contohnya arahan untuk berpindah dalam situasi banjir yang boleh membahayakan penduduk dan pada masa yang sama memberi risiko kepada penyelamat."

[Perdana Menteri]

15. PR-1523-U(27)293

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara teperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

16. PR-1523-U(27)294

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

17. PR-1523-U(27)295

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

18. PR-1523-U(27)296

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakkan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Perdana Menteri]

19. PR-1523-U(27)297

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan Negeri. Berdasarkan pelan RMK-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan Negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan Negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa serta pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu. Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek."

[Menteri Ekonomi]

20. PR-1523-U(27)298

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar '*rebranding*' daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan

Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

[Perdana Menteri]

21. PR-1523-U(27)299

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

22. PR-1523-U(27)300

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiag siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

[Perdana Menteri]

23. PR-1523-U(27)301

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidaklangsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

24. PR-1523-U(27)302

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

[Menteri Kewangan]

25. PR-1523-U(27)303

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu."

[Menteri Komunikasi dan Digital]

26. PR-1523-U(27)304

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi memboleh dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

27. PR-1523-U(27)305

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan keluar dan masuk sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu. Kuatkuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya. Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu. Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya 'Free Flow' ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka."

[Menteri Dalam Negeri]

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 23.10.2023 (Isnin)	1. YB Tuan Syahredzan bin Johan (Bangi)	1. Memperbaiki Kesalinghubungan Perbatuan Pertama dan Terakhir	1. YB Menteri Pengangkutan
2. 23.10.2023 (Isnin)	2. YB Tuan Syahredzan bin Johan (Bangi)	2. Menangani Isu Anjing Terbiar	2. YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan
3. 23.10.2023 (Isnin)	3. YB Dato' Dr. Alias bin Razak (Kuala Nerus)	3. Isu Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jeram	3. YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan
4. 23.10.2023 (Isnin)	4. YB Dato' Dr. Alias bin Razak (Kuala Nerus)	4. Isu Naik Taraf Jalan ke Bulatan Batu Enam	4. YB Menteri Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**